

## Isu dan Implikasi Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat di Malaysia

Rabiatul Aswaniza binti Ishak  
Mohd Syuhaidi bin Abu Bakar\*

Kolej Pengajian Seni Kreatif,  
Universiti Teknologi MARA

Email perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my\*

### Abstrak

*Penontonan kandungan atas talian secara berlebihan mungkin boleh memudaratkan. Kajian ini telah meneroka jika penontonan Netflix memberikan isu dan implikasi terhadap rakyat di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara temubual berstruktur. Pemilihan informan adalah menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) di mana kajian ini telah menemubual 10 orang informan, iaitu penonton-penonton Netflix. Informan yang dipilih untuk kajian ini merupakan mereka yang menonton kandungan di Netflix sahaja. Kajian ini tidak melibatkan informan yang menonton kandungan di platform lain. Data telah dianalisis secara verbatim menggunakan analisis tematik (thematic analysis) dan beberapa tema telah dikenalpasti. Dapatan kajian mendapat terdapat beberapa isu dan implikasi penontonan Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia. Dari segi isu penontonan, penonton berpendapat, Netflix menawarkan kandungan yang tidak ditapis, terdapat kandungan yang menonjolkan isu body shaming, dan keganasan. Penontonan Netflix juga telah memberikan beberapa implikasi dalam kalangan rakyat di negara ini. Penonton Netflix di Malaysia merasakan kandungan di Netflix mampu menjadi alat pengajar yang bagus, dapat mengubah emosi seseorang, dapat mengubah diri seseorang, dan memberi mesej kepada penonton. Terdapat juga beberapa isu lain, iaitu isu face shaming dan kerisauan terhadap filem-filem anime yang memaparkan unsur seksual. Implikasi lain terhadap penontonan Netflix adalah ketagihan apabila terlalu lama menonton kandungan di platform ini. Kajian yang telah dilaksanakan diharapkan dapat digunakan sebagai rujukan kepada kajian-kajian pada masa hadapan mengenai Netflix.*

**Kata Kunci:** Netflix, Isu, Implikasi, Malaysia, Filem

## ***Issues and Implications of Netflix Watching Among Malaysians***

### **Abstract**

*Excessive watching of online content may be harmful. This study explored whether watching activities on Netflix gives the people of Malaysia issues and implications. This study uses a qualitative method through structured interviews. The informants were selected using a purposive sampling technique in which this study interviewed 10 informants who watched Netflix. The informants chosen for this study are the ones who watch content on Netflix only. This study does not involve informants who watch content on other platforms. The data were analyzed verbatim using thematic analysis, and several themes were identified. The results of the study revealed several issues and implications of Netflix watching among the Malaysian community. There are several issues as Netflix offers uncensored content, body shaming content, and violence content. Watching Netflix also gave some implications to audiences in this country. Netflix watchers in Malaysia believe that content on Netflix can be a good teaching tool, it can change a person's emotions, change a person's personality, and give different sets of messages. There are also other issues such as face shaming and concerns about anime movies that show sexual elements. Another implication of Netflix watching is addiction due to the number of hours spent on the platform to watch the content. The study that has been conducted should serve as a reference for future studies on Netflix.*

**Keywords:** Netflix, Issues, Implications, Malaysia, Movies

### **Pengenalan, Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian**

Seiring dengan perkembangan teknologi pada masa ini, industri penontonan filem di atas talian turut berkembang dengan begitu pesat. Kini, rakyat di Malaysia mahupun di luar negara dapat menonton apa sahaja kandungan yang mereka mahukan secara atas talian melalui perkhidmatan penstriman berdasarkan langganan, iaitu Netflix. Netflix telah menyediakan pelbagai filem dan jenis genre untuk memberi penonton pilihan mengikut cita rasa mereka. Penonton tidak perlu lagi menonton filem kegemaran mereka di televisyen (TV). Hal ini demikian kerana, Netflix merupakan perkhidmatan penstriman berdasarkan langganan yang membolehkan ahlinya, iaitu orang yang telah melanggan Netflix itu menonton rancangan televisyen dan filem tanpa iklan menggunakan setiap peranti yang disambungkan ke internet. Bukan sahaja Netflix yang menawarkan perkhidmatan filem di atas talian. Terdapat banyak lagi kemudahan yang serumpun dengannya. Para penonton di Malaysia boleh menonton filem melalui iFlix, Disney, Amazon Prime, Astro On The Go, Viu, Tonton dan sebagainya (Sull & Turconi, 2021).

Netflix adalah sebuah platform penstriman atas talian yang berasal dari negara Barat, iaitu Amerika Syarikat. Selain itu, menurut Pedersen (2016), Netflix telah diasaskan pada tahun 1997. Pengasas utama Netflix ialah Reed Hastings dan Marc Randolph. Perkhidmatan Netflix pada asalnya beroperasi sebagai kedai sewa filem dalam talian, hal ini termasuk yuran pada setiap masa dan juga yuran lewat bayar. Pengguna *Digital Video Disc* (DVD) akan memesan secara atas talian dan selepas itu pesanan akan dihantar kepada pengguna dalam masa 24 jam. Setelah dua tahun kemudian pada tahun 1999, syarikat Netflix menawarkan perkhidmatan langganan bagi penggunanya dengan menyediakan langganan berbayar secara bulanan bagi penyewaan DVD tanpa had. Sehingga hari ini, Netflix adalah di antara aplikasi penstriman video yang teratas di antara aplikasi yang serumpun dengannya. Hal ini demikian kerana, Netflix menawarkan keistimewaan kepada pelanggannya dengan menyediakan pelbagai pilihan cerita mahupun filem dan juga siri yang menarik kepada para penggunanya. Netflix mempunyai kelebihan dalam aspek ini jika dibandingkan dengan aplikasi penstriman lainnya.

Satu kajian menunjukkan pelanggan Netflix yang menonton filem fiksyen adalah sebanyak 47.5% daripada 40 orang yang melanggan Netflix dan selebihnya menonton filem genre yang

lain di dalam platform tersebut (Castro et al., 2021). Secara dasarnya, penonton di luar negara yang melanggan Netflix tidak semuanya menyukai genre filem fiksyen. Penonton di dalam negara pula menunjukkan pola peningkatan sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), iaitu bermula pada 18 Mac 2020. Hal ini kerana masyarakat umum terpaksa tinggal di rumah dan kebanyakannya premis ditutup sepenuhnya termasuklah panggung wayang (Thanusha K. Ravana & Lailatul Qadri Zakaria, 2021). Netflix mendapat sambutan yang hangat dari orang ramai kerana keupayaan menonton filem yang lebih selesa dan menawarkan pelbagai variasi. Penontonan di dalam negara pula meningkat sejak tahun 2020 berbanding tahun 2016 ketika Netflix mula diperkenalkan di Malaysia.

Kini, Netflix telah semakin popular dan tidak asing lagi nama aplikasi ini di serata dunia. Hal ini membuatkan pelanggan Netflix semakin meningkat secara logiknya. Namun begitu, Netflix juga kehilangan ramai pelanggannya. Menurut Jose (2022), pelanggan Netflix telah jatuh seramai 200,000 orang pelanggan dalam tiga bulan pertama tahun 2022 dan terbukti dalam laporan pendapatan suku tahunan yang dikeluarkan pada 19 April 2022. Perkara ini adalah pertama kali dalam 10 tahun atau dalam sedekad yang menyaksikan perkhidmatan penstriman menurun bilangan pelanggannya. Kekurangan pelanggan Netflix ini telah membuatkan bahagiannya menjunam 25 peratus dalam perdagangan seterusnya. Kebebasan Netflix dalam mempamerkan kandungan filem yang tiada penapisan unsur sensitif membuatkan hal ini menjadi isu kepada penonton akan prosedur pengurusan tapisan filem di Malaysia. Kenyataan ini disokong oleh Asma Md Isa et al. (2020). Menurut Ernawati Ernawati dan Yemima Sonita Nugraheni (2020), hanya beberapa pihak yang membantah berhubung kandungan filem yang tersedia di Netflix yang tidak ditapis. Isu tersebut telah dikemukakan tetapi tiada berlaku sebarang perubahan.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka jika penontonan Netflix memberikan isu dan implikasi terhadap rakyat di Malaysia.

## **Tinjauan Literatur**

### **a. Sejarah Penontonan Netflix**

Netflix ialah aplikasi penstriman filem berbayar yang diminati oleh orang ramai (Yunita Noor Malia et al., 2021). Menurut pemerhatian penulis, ketika pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020, minat pengguna bagi melanggan perkhidmatan Netflix telah meningkat. Hal ini demikian kerana pandemik COVID-19 yang telah menyekat aktiviti awam masyarakat umum. Netflix ialah salah satu syarikat yang menawarkan perkhidmatan penstriman secara langganan. Masyarakat gemar menonton Netflix kerana penonton ingin meluangkan masa lapang mereka dengan hiburan yang ditawarkan di Netflix. Para pelanggan Netflix bebas mencari hiburan yang mereka ingin tonton di peranti mereka.

Selain itu, Netflix juga adalah platform berbayar yang menawarkan ciri bebas iklan semasa menontonnya (Yunita Noor Malia et al., 2021). Hal ini demikian membuatkan para penonton gemar untuk menonton filem di Netflix kerana boleh menumpukan perhatian kepada filem yang dimainkan sepenuh masa. Menurut pemerhatian penulis, Netflix juga menawarkan kualiti video dan audio yang jelas dalam setiap filem yang penonton dapat tontoni. Audio dan video yang jelas membuatkan penonton menghayati filem yang ditayangkan dengan lebih baik. Netflix juga menawarkan pelbagai sari kata berbilang bahasa dalam setiap filem mereka. Hal ini membuatkan pelanggan lebih memahami penyampaian mesej yang hendak disampaikan oleh pengarah filem kepada penonton. Keistimewaan seperti ini membuatkan penonton tertarik untuk melanggan Netflix. Netflix menawarkan pelbagai kelebihan ini untuk menarik lebih ramai masyarakat melanggan Netflix. Namun begitu, kajian Yunita Noor Malia et al. (2021) berpendapat bahawa, Netflix tidak selalu membawa manfaat kepada pengguna, terutamanya dari aspek kewangan. Hal ini demikian kerana, pengguna Netflix menghabiskan wang mereka dengan melanggan Netflix pada setiap bulan. Wang yang digunakan untuk langganan boleh digunakan untuk simpanan mahupun aktiviti sosial.

### **b. Isu Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat**

Netflix adalah sebuah perkhidmatan penstriman atas talian yang berasal dari negara Barat, iaitu Amerika Syarikat (Yogi Maulana Nugroho et al., 2017). Aplikasi Netflix ini menawarkan pelbagai filem, drama bersiri dan dokumentari untuk penontonnya memilih pilihan cerita yang mereka ingin tonton. Netflix juga menawarkan pelbagai genre filem, drama bersiri dan dokumentari. Namun begitu, hal ini membuatkan sesetengah penonton merasa kesal. Hal ini demikian kerana, di Netflix, filem yang ditayangkan tidak dipantau oleh Suruhanjaya Penyiaran Indonesia. Menurut Ernawati Ernawati dan Yemima Sonita Nugraheni (2020), kandungan filem yang ditawarkan di Netflix tidak ditapis kandungannya dan hal tersebut telah mendapat tentangan daripada sesetengah pihak dan isu tersebut dibangkitkan tetapi tiada perubahan yang berlaku. Sebagai contohnya, siri TV *Jurassic World: Camp Cretaceous* (2020) memaparkan adegan bercumbu. Babak yang dipaparkan tidak sepatutnya ditonton oleh orang Islam dan telah mendapat kritikan oleh negara Arab Saudi. Hanya sesetengah pihak sahaja yang menentangnya dan bukan daripada pelbagai pihak. Tetapi, menurut Ajeng Septianur Putri dan Kristoforus Laga Kleden (2022), penyiaran filem tanpa tapisan di platform Netflix adalah sah penyiarannya di Indonesia. Netflix pernah digesa untuk ditapis kandungannya kerana bercanggah dengan ajaran Islam oleh negara Arab, contohnya. Namun begitu, pihak Netflix tetap tidak mengambil tindakan sewajarnya.

Selain itu, antara isu yang jelas dilihat di Netflix ini adalah dari segi genre filem yang ditayangkan. Genre mempunyai pelbagai jenis mengikut cerita yang ditetapkan oleh pengarah bagi sesebuah filem. Namun begitu, sesetengah kandungan yang ditayangkan mempunyai genre *dark comedy* yang tidak digemari oleh para penonton. Siri TV *Insatiable* (2018) contohnya mendapat kritikan daripada penonton kerana isu *body shaming* dalam karya tersebut yang memberi kesan buruk kepada penonton yang menontonnya (Dea Tiara Sandinia Amri, 2020). Siri TV yang mempunyai genre *dark comedy* ini memberi kesan yang negatif kepada penontonnya berikutan dengan jenaka yang merosakkan imej seseorang. Maka, Netflix boleh memilih untuk menawarkan kandungan yang tidak mempunyai isu sensitiviti kepada penonton supaya tidak mempengaruhi penonton termasuk dalam aspek diet yang tidak sihat yang juga ditayangkan dalam siri TV ini. Selain daripada itu, filem seram pula mempunyai isu kerana memiliki elemen khurafat (Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi dan Muhamad Faisal Ashaari, 2017). Hal ini akan memberi kesan negatif kepada personaliti masyarakat apabila menonton filem yang ditayangkan. Pihak tertentu juga telah membuat pelbagai andaian berhubung kesan genre filem seram ini dan seterusnya menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana genre seram tersebut mempunyai kesan yang mendalam terhadap kepercayaan masyarakat.

Selain itu, drama bersiri TV *Squid Game* (2021) juga memaparkan aspek keganasan. Hal ini demikian kerana drama bersiri TV *Squid Game* (2021) yang ditayangkan di Netflix ini mempunyai keganasan yang jelas dilihat dalam penceritaannya (Imelia Fatya Sari, 2022). Sebagai contoh, peserta permainan yang telah kalah akan ditembak mati sejurus mereka kalah dalam permainan yang ditetapkan. Bagi bertahan untuk hidup dan demi duit, semua peserta perlu patuh akan peraturan permainan yang ditetapkan.

### **c. Implikasi Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat**

Netflix telah menawarkan pelbagai filem dan juga dokumentari yang menarik untuk hiburan para penonton. Pada tahun 2021, Netflix telah mencapai 209 juta orang pelanggan dari seluruh dunia (Ajeng Septianur Putri & Kristoforus Laga Kleden, 2022). Ramai masyarakat Malaysia memilih untuk menonton filem secara atas talian seperti di Netflix berbanding stesen televisyen. Hal ini kerana, kini stesen TV lebih mempamerkan informasi dan juga menjual barang harian. Faktor tersebut membuatkan mereka beralih kepada Netflix kerana platform berkenaan menawarkan pelbagai drama dan filem untuk ditonton. Jadi, dapat dilihat potensi penontonan Netflix ini untuk mempunyai pelbagai implikasi sama ada dari segi kebaikan atau keburukan.

Penontonan filem dapat menjadi alat pengajar yang bagus (Chapple & Curtis, 2000). Apabila seseorang individu seperti golongan pelajar menonton filem, mereka akan dapat mempelajari bahasa Inggeris melalui penontonan mereka kerana kebanyakan filem yang ditayangkan adalah dalam Bahasa Inggeris. Penulis dapat menyimpulkan bahawa, secara tidak sedar hal tersebut dapat menambahkan ilmu pengetahuan Bahasa Inggeris dalam diri mereka. Hal ini secara tidak langsung berlaku apabila seseorang menonton filem berbahasa asing, seperti Bahasa Korea contohnya akan dapat membuatkan individu tersebut mengetahui sedikit sebanyak mengenai bahasa Korea. Hal ini demikian kerana cara mudah mempelajari bahasa Korea adalah dengan menonton filem Korea bagi mempelajari intonasi yang dituturkan oleh mereka. Maka, secara tidak langsung menonton filem dapat membantu pelajar untuk belajar bahasa asing dan Netflix telah menjadi alat pengajar yang bagus.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini telah djalankan menggunakan kaedah kualitatif dan telah menggunakan kaedah secara temu bual. Seramai 10 orang informan telah ditemubual bagi meneroka jika Netflix memberikan isu penontonan terhadap rakyat Malaysia dan juga untuk meneroka implikasi penontonan Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia. Setiap data yang di perolehi telah dianalisa bagi mendapatkan pelbagai perspektif daripada informan. Informan yang dipilih untuk kajian ini merupakan mereka yang menonton kandungan di Netflix sahaja. Kajian ini tidak melibatkan Informan yang menonton kandungan di platform yang lain. Data telah dianalisis secara verbatim menggunakan analisis tematik (*thematic analysis*) dan beberapa tema telah dikena Ipasti. Selain itu, menurut Azizah Hamzah (2004), kaedah kualitatif ini adalah cara sebuah kajian yang menitikberatkan bagi memperoleh data yang tersendiri juga mempunyai keterangan sifat mahupun perspektif mengenai apa sahaja yang berbeza daripada penyelidikan kuantitatif. Menurut Mokmin Basri (2012), reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan. Menurut Azizah Hamzah (2004) juga, kajian yang berbentuk kajian kes temu bual adalah teknik yang terbaik bagi mengumpul data. Temu bual adalah teknik kajian yang boleh diterima dalam mencari isu yang mempunyai kaitan dengan polisi maklumat. Proses ketepuan akan berlaku apabila temu bual bersama informan memberikan maklumat dan juga pandangan yang sama. Ketepuan data ini ditakrifkan sebagai informan terakhir yang telah mengulangi informasi yang diberikan oleh informan yang sebelumnya. Menurut Hennink dan Kaiser (2021), temu bual bersama 9-17 orang informan adalah mencukupi untuk mencapai tahap ketepuan dalam kajian kualitatif. Selain itu, Creswell (1998) juga mengesyorkan hanya 10 orang informan untuk kajian temu bual dan pengumpulan data boleh dihentikan sebaik sahaja data mencapai tahap ketepuan.

## **Dapatan Kajian**

Untuk kajian ini, pengumpulan data dihentikan pada informan ke 10 kerana tiada lagi tema-tema baru yang muncul selepas infoman ke 10 selesai ditemu bual. Maka, tahap ketepuan telahpun tercapai. Dapatan kajian mendapat terdapat beberapa isu dan implikasi penontonan Netflix dalam kalangan rakyat Malaysia. Skop kajian ini terbatas dan merangkumi hanya 10 orang informan sahaja tetapi mencukupi sebagai kajian asas untuk kajian masa hadapan. Pengkaji di luar negara juga boleh melihat jika penontonan Netflix memberikan isu dan implikasi terhadap rakyat mereka.

## Isu Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat di Malaysia

### a. Kandungan Yang Tidak Ditapis

Informan 1 dan Informan 3 bersetuju dengan mengatakan bahawa kandungan di Netflix sama ada filem, drama bersiri mahupun dokumentari mempunyai elemen yang tidak ditapis kandungannya. Hal ini demikian kerana, beliau gemar menonton filem Barat dan juga drama Korea di Netflix. Banyak filem menarik berasal dari Korea dan Amerika Syarikat kerana struktur penceritaan menarik yang memberi pengetahuan baru kepada beliau. Walau bagaimanapun, kebanyakannya aksi seksual ditunjukkan secara terang-terangan tanpa dikaburkan dan beliau terpaksa mempercepatkan adegan tidak senonoh itu dengan mengawal alat kawalan Televisyen (TV).

Informan 8 dan Informan 9 mencadangkan agar cara mengatasi masalah Netflix yang tiada tapisan akan kandungan filemnya adalah dengan ibu bapa mahupun penjaga perlu ada bersama-sama anak mereka ketika memilih filem mahupun kartun yang hendak ditonton. Hal ini demikian kerana wujudnya filem di Netflix yang mengandungi pelbagai babak sensual yang secara tiba-tiba dipaparkan dalam penceritaan seperti unsur seksual dan aksi bercium. Apabila ibu bapa mahupun penjaga menonton bersama kanak-kanak, ini dapat menghalang kanak-kanak daripada menonton babak yang tidak bersesuaian dengan peringkat umur mereka.

### b. Isu Body Shaming

Informan 8 berpendapat bahawa kandungan di Netflix memaparkan isu *body shaming*. Hal ini demikian kerana beliau mengatakan bahawa siri TV *Insatiable* (2018) yang merupakan siri TV berasal dari Barat dan mempunyai dua musim itu jelas sekali memaparkan isu *body shaming* pada watak utama tersebut. Namun begitu, Informan 4 pula mengatakan isu *body shaming* tidak wujud di Netflix kerana sebagai pelakon mahupun wanita, seseorang perlu menjaga badan mereka dengan sebaiknya dan perlu mempunyai berat badan ideal mengikut *Body Mass Index* (BMI) yang ditetapkan supaya sentiasa kekal sihat dan cergas dalam kehidupan seharian. Beliau turut mengatakan isu *body shaming* tidak wajar dibenci oleh penonton yang menonton kandungan yang mempunyai unsur tersebut kerana perkara tersebut boleh memotivasi diri seseorang untuk jadi lebih kurus supaya sentiasa cantik dan sihat.

### c. Isu dalam Aspek Keganasan

Informan 1 dan Informan 10 beranggapan bahawa filem-filem di Netflix menawarkan keganasan yang melampau dalam suatu penceritaan terutamanya yang bergenre aksi. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana kebanyakannya penonton masa kini gemar menonton filem di Netflix. Tambahan pula pelbagai jenis filem dari pelbagai negara dipaparkan di Netflix.

## Implikasi Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat di Malaysia

### a. Menjadi Alat Pengajar yang Bagus

Menurut Informan 4 dan Informan 7, penontonan Netflix juga mempunyai kebaikan, iaitu dapat menjadi alat pengajar yang bagus. Hal ini demikian kerana terdapat juga filem dipaparkan di Netflix yang bagus dan memberi banyak ilmu pengetahuan yang baru. Sebagai contoh, filem yang berbentuk sejarah yang memaparkan sisi positif dalam sesbuah negara. Tambahan pula, Informan 4 mengatakan filem yang ditonton pasti akan memberinya ilmu sama ada dalam bentuk tersurat mahupun tersirat bergantung kepada struktur penceritaan filem tersebut. Nilai dan pengajaran yang terdapat dalam filem di Netflix dapat membuatkan masyarakat yang menontonnya menjadi seorang yang berilmu pengetahuan. Informan 7 pula mengatakan penontonan filem di Netflix sememangnya mengajar kita mengenai sesuatu kehidupan. Sebagai contoh filem *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* (2019) yang mengajar

golongan kanak-kanak terutamanya untuk mendengar nasihat orang tua kerana akan menyusahkan mereka apabila mengingkarinya.

*b. Mengubah Emosi Seseorang*

Menurut Informan 5 dan Informan 8, mereka bersetuju bahawa penontonan kandungan di Netflix mampu membuatkan emosi seseorang itu berubah. Hal ini demikian kerana apabila seseorang penonton menonton filem mahupun drama, ini akan membuatkan mereka ingin memahami struktur penceritaan tersebut, dan akan membuatkan mereka mendalami watak dengan sebaiknya. Informan 5 mengatakan drama Korea terutamanya akan bermain emosi dengan penceritaannya. Hal ini kerana hampir semua pelakon drama Korea pandai memainkan watak mereka untuk menghidupkan watak dalam sesuatu cerita. Informan 8 pula mengatakan, menonton filem di Netflix menjadikan emosi penonton turun dan naik. Hal ini demikian kerana beliau mengatakan bahawa babak yang penuh dengan dendam dapat membuatkan dirinya marah sehingga ingin meninggalkan komen negatif di platform media sosial pelakon yang melakonkan watak tersebut.

*c. Mengubah Diri Seseorang*

Menurut Informan 5 dan Informan 6, mereka mengatakan bahawa menonton filem di Netflix dapat mengubah diri seseorang. Hal ini demikian kerana Informan 5 mengatakan bahawa beliau sering melihat orang terpengaruh dengan tontonan filem yang mereka tonton di Netflix. Sebagai contoh, filem yang dalam kategori tontonan 18 tahun dan ke atas. Beliau berpendapat bahawa penonton yang menonton filem yang mempunyai unsur seksual akan mengubah diri dan penglihatan seseorang itu menjadi tidak baik. Menurut Informan 6 pula, menonton filem di Netflix dapat mengubah seseorang ke arah kebaikan dan juga keburukan. Sebagai contoh, penontonan drama bersiri *Prison Playbook* (2017) dapat memberikan banyak ilmu berkenaan penjara. Namun, ini bergantung kepada kandungan yang dipilih oleh mereka.

*d. Memberi Mesej kepada Penonton*

Menurut Informan 8 dan Informan 9, hasil menonton filem akan memberikan mesej sama ada positif mahupun negatif. Hal ini demikian kerana matlamat filem ditayangkan di Netflix mahupun di platform lain mestilah memberi mesej kepada penonton sama ada dalam bentuk tersirat mahupun tersurat. Filem seperti *Paskal* (2019) membuatkan beliau berasa bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Informan 9 pula mengatakan banyak kandungan di Netflix memberinya mesej yang tersirat dan tersurat. Sebagai contohnya, siri TV *Extraordinary Attorney Woo* (2022) yang memberikannya semangat untuk terus menyambung pelajaran. Ini kerana siri TV tersebut memaparkan watak seorang gadis yang menghidap ketidakupayaan perkembangan (autism) sejak kecil tetapi mampu menjadi peguam yang hebat di Korea. Siri TV ini memaparkan mesej yang positif kepada penontonnya untuk lebih yakin dengan kebolehan diri mereka.

## **Isu dan Implikasi Penontonan Netflix dalam Kalangan Rakyat di Malaysia dari Segi lain**

Dapatkan kajian mendapati terdapat beberapa isu dan implikasi lain hasil penontonan Netflix dalam kalangan rakyat di Malaysia yang tidak dibincangkan dalam tinjauan literatur yang menjadi rujukan untuk soalan-soalan kepada informan semasa pengumpulan data berlangsung. Antara isu dan implikasi tersebut telah dibincangkan di bawah.

**a. Isu berkenaan Face Shaming**

Menurut Informan 2 dan Informan 5, kandungan Netflix bukan sahaja mempunyai isu dari segi kandungan yang tidak ditapis, isu *body shaming*, dan isu keganasan, malah terdapat juga isu lain-lain. Informan 2 mendapati bahawa terdapat isu *face shaming* dalam penontonan

kandungan di Netflix. Beliau mengatakan siri TV bertajuk *True Beauty* (2020), iaitu drama Korea yang mempunyai 16 episod yang mengisahkan seorang perempuan yang berwajah buruk sejak lahir dan dia sentiasa dihina oleh rakan sekolahnya dan orang sekelilingnya yang berwajah cantik. Beliau menegaskan penontonan siri TV *True Beauty* (2020) di Netflix dapat membuatkannya menjadi seorang yang rendah diri dengan penampilannya yang selekeh dan risau akan orang sekeliling yang akan memandang rendah kepadanya seperti dalam siri TV tersebut.

### **b. Isu berkenaan Filem Anime yang mempunyai Unsur Seksual**

Informan 5 pula mendapat terdapat isu apabila menonton filem animasi Jepun ataupun *anime* yang dipaparkan di Netflix. Hal ini demikian kerana filem animasi kartun yang berasal daripada negara Jepun itu mempunyai karakter yang tidak sewajarnya ditayangkan bagi golongan kanak-kanak mahupun remaja. Ini kerana animasi tersebut banyak memaparkan dari segi pendedahan tubuh badan wanita yang hampir berbogel dan juga terdapat tubuh badan lelaki yang tidak ditutup. Perkara tersebut menimbulkan perkara yang negatif kepada kanak-kanak yang menontonnya.

### **c. Implikasi Ketagihan**

Menurut Informan 8, penontonan filem di Netflix bukan sahaja mempunyai implikasi dari segi menjadi alat pengajar yang bagus, mengubah emosi seseorang, mengubah diri seseorang dan memberi mesej kepada penonton, malah terdapat juga implikasi lain. Beliau berpendapat bahawa filem di Netflix membuatkan seseorang itu ketagihan. Beliau menegaskan apabila seseorang penonton terlalu taksub menonton filem kesukaan mereka di Netflix, ini menyebabkan mereka menghabiskan masa yang lama dengan menonton Netflix sahaja dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## **Kesimpulan**

Secara umumnya, kajian ini telah dijalankan bagi meneroka isu dan implikasi penontonan Netflix dalam kalangan rakyat di Malaysia semasa pandemik COVID-19 mahupun pada fasa endemik. Kajian ini mencadangkan agar penonton filem di Malaysia untuk menggunakan platform Netflix ini sebaiknya dan menggunakan sepenuhnya kemudahan yang ditawarkan oleh Netflix, seperti contoh pemakluman terhadap genre filem dan amaran pengisian sesuatu filem sebelum meneruskan tontonan. Penonton sewajarnya menapis dahulu babak-babak yang tidak senonoh bagi tidak mencemari pemikiran golongan penonton bawah umur. Kajian asas ini juga diharapkan boleh menjadi rujukan kepada kajian-kajian seterusnya mengenai penontonan filem di Netflix.

## Rujukan

- Ajeng Septianur Putri & Kristoforus Laga Kleden. (2022). Penyiaran filem tanpa sensor di platform Netflix. *Jurnal Yudishtira*, 2(1), 1-13. <https://yudishtira.gapenas-publisher.org/index.php/home/article/view/31/33>
- Asma Md Isa, Wan Amizah Wan Mahmud, Haslina Mohamed Hassan, & Wan Idros. (2020). Netflix and quandary of content regulation in Malaysia. *Solid State Technology*, 63(6), 4775-4786. <https://www.solidstatetechnology.us/index.php/JST/article/view/3890>
- Azizah Hamzah. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10. <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32755>
- Castro, D., Rigby, J. M., Cabral, D., & Nisi, V. (2021). The binge-watcher's journey: Investigating motivations, contexts, and affective states surrounding Netflix viewing. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 27(1), 3-20. <https://doi.org/10.1177/1354856519890856>
- Chapple, L., & Curtis, A. (2000). Content-based instruction in Hong Kong: Student responses to film. *System*, 28(3), 419-433. [https://doi.org/10.1016/S0346251X\(00\)00021-X](https://doi.org/10.1016/S0346251X(00)00021-X)
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- Dea Tiara Sandinia Amri. (2020). Kecenderungan perilaku body shaming dalam serial Netflix *Insatiable*. *Jurnal Audiens*, 1(1), 101-106. <https://doi.org/10.18196/ja.11012>
- Ernawati Ernawati & Yemima Sonita Nugraheni. (2020). Pembatasan konten digital pada media Netflix oleh komisi penyiaran Indonesia. *Perspektif*, 25(1), 44. <https://doi.org/10.30742/perspektif.v25i1.754>
- Hennink, M, & Kaiser, B. N. (2021). Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of empirical tests. *Social Science & Medicine*, 292(1), 2-10. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2021.114523>
- Imellia Fatya Sari. (2022). *Analisis semiotika kekerasan dalam serial Squid Game* (No Diterbitkan. 189110150) [Disertasi Kedoktoran, Universitas Islam Riau]. Perpustakaan Universitas Islam Riau. <https://repository.uir.ac.id/14252/1/189110150.pdf>
- Jose, T. (2022, April 20). Netflix loses subscribers for first time in a decade. *Entrepreneur*. <https://www.entrepreneur.com/en-in/news-and-trends/netflix-loses-subscribers-for-first-time-in-a-decade/425220>
- Mokmin Basri. (2012). *Bab 4: Kaedah Kajian* (No Diterbitkan. 283479198) [Disertasi Kedoktoran, Kolej Universiti Islam Selangor]. ResearchGate. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.1.1443.0168>

Pedersen, L. T. (2016). *Narrating Netflix: An examination of the narrative structure of house of cards and Netflix's position within the post-network era* [Master Thesis, Aalborg University]. Communications institute.  
[https://projekter.aau.dk/projekter/files/244209190/Narrating\\_Netflix.pdf](https://projekter.aau.dk/projekter/files/244209190/Narrating_Netflix.pdf)

Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi., & Muhamad Faisal Ashaari. (2017). Kesan filem seram terhadap pegangan agama: Suatu tinjauan literatur. *Al-Hikmah*, 9(1), 33-48.  
<https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/187>

Sull, D., & Turconi, S. (2021, January 30). Netflix goes to Bollywood. *MIT Management SloanSchool*  
[https://mitsloan.mit.edu/sites/default/files/202103/Netflix%20Goes%20to%20Bollywood\\_IC\\_1.pdf](https://mitsloan.mit.edu/sites/default/files/202103/Netflix%20Goes%20to%20Bollywood_IC_1.pdf)

Thanusha K. Ravana., & Lailatul Qadri Zakaria. (2021). *Analisis sentimen dan pengelasan filem dan drama bersiri di Netflix menggunakan pembelajaran mesin* [Kertas yang tidak Diterbitkan]. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yogi Maulana Nugroho, Helni Mutiarsih Jumhur, S.H., & M. Hum. (2017). Analisa kelayakan dibuka akses Netflix di Indonesia ditinjau dari regulasi telekomunikasi. *EProceedings of Management*, 4(3), 1-8. <https://core.ac.uk/download/pdf/299917432.pdf>

Yunita Noor Malia, Zakiyah, & Galuh Nashrullah K.M.R. (2021). Analisis minat konsumen berlangganan Netflix di masa pandemik perspektif ekonomi Islam. *Uniska*, 1-6.  
<http://eprints.uniskabjm.ac.id/7165/1/ARTIKEL%20ANALISIS%20MINAT%20KONSUMEN%20BERLANGGANAN%20NETFLIX%20DI%20MASA%20PANDEMI%20PERSPEKTIF%20EKONOMI%20ISLAM.pdf>